A

Sazali bin Darus lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-12/12 TAHUN 2013
SAMSUDIN HASSAN H
3 JUN 2014

C

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 376 — Rogol — Hukuman — Rayuan terhadap hukuman — Kesalahan jenayah rogol ke atas dua mangsa berbeza dan dua lokasi berbeza — Memperdayakan kedua-dua mangsa dengan tipu helah — Perayu mempunyai rekod kesalahan lampau juga melibatkan kes rogol — Prinsip pembalasan atau 'retribution' — Sama ada sesuai digunapakai untuk mencerminkan kutukan atau kecaman masyarakat terhadap kesalahan — Sama ada dua kesalahan berbeza yang mewajarkan hukuman penjara berjalan secara berasingan — Sama ada hakim perbicaraan khilaf dalam hukuman — Sama ada hukuman boleh diringankan

D

E

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rogol — Jenayah rogol ke atas dua mangsa berbeza — Perayu mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan — Faktor-faktor yang diberi pertimbangan — Kepentingan awam — Prinsip pencegahan — Prinsip pembalasan atau 'retribution' — Sama ada sesuai digunapakai untuk mencerminkan kutukan atau kecaman masyarakat terhadap kesalahan — Hukuman penjara diperintahkan berjalan berasingan — Sama ada hukuman patut berjalan serentak atau berasingan

F

Perayu telah dituduh melakukan kesalahan jenayah rogol ke atas dua mangsa berbeza di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan ('Kanun'). Bagi mangsa pertama, perayu berjanji mendapatkan pekerjaan untuknya di sebuah hotel di Johor Bahru. Namun, mangsa dibawa ke sebuah hotel dan di situ dipaksa melakukan hubungan seks dan kemudiannya perayu lari dan meninggalkan mangsa keseorangan. Selang beberapa hari perayu berjaya mencari mangsa kedua yang ketika itu baru berusia 12 tahun dan berjanji untuk menghantarnya pulang ke rumah. Namun, perayu telah mengugut mangsa akan meninggalkannya di tempat yang sunyi sekiranya enggan mengikut kehendaknya dan pada masa yang sama perayu mengambil kesempatan meraba dada si mangsa dan dari situ membawa mangsa ke sebuah hotel lalu memaksa mangsa melakukan hubungan seks dengannya. Dalam perjalanan pulang ke rumah, mangsa disuruh oleh perayu membeli air minuman di pertengahan jalan dan perayu kemudiannya memecut keretanya meninggalkan mangsa keseorangan. Perayu mengaku salah atas kedua-dua pertuduhan dan hakim bicara mensabitkan perayu atas kesalahan-kesalahan tersebut. Perayu dijatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkapan dan juga dikenakan lapan kali

G

H

I

sebatan. Perayu merayu ke mahkamah ini terhadap hukuman sahaja berkait kedua-dua kes tersebut. Perayu dalam penghujahan mendapatkan peringanan hukuman mengemukakan alasan-alasan berikut: (a) telah insaf dan menyesal apa yang berlaku; (b) minta hukuman rotan dikurangkan sebab beliau baru menjalankan pembedahan usus sebelum dimasukkan penjara; dan (c) mohon hukuman penjara berkait kedua-dua kes tersebut berjalan serentak dari tarikh tangkap. Timbalan Pendakwa Raya pula dalam penghujahannya untuk mempertahankan hukuman yang telah diperintahkan menekankan antara lain bahawa kedua-dua kes tangkap ini melibatkan mangsa yang berbeza dan di dua buah hotel yang berbeza. Berdasarkan fakta tersebut jelas menunjukkan ianya dua kesalahan yang berbeza yang mewajarkan hukuman penjara berjalan secara berasingan. Perayu mempunyai rekod kesalahan lampau juga melibatkan kes rogol di bawah s 376(1) Kanun dan dikenakan hukuman penjara 12 tahun serta enam kali sebatan.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan hukuman yang sedia ada:

(1) Berhubung dengan rayuan terhadap hukuman, mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah hukuman yang menjadi asas rayuan, semata-mata kerana ahli-ahli mahkamah itu telah menjatuhkan hukuman yang berbeza. Hakim perbicaraan telah melihat tertuduh dan mendengar sejarah dan perwatakannya. Hanya apabila hukuman yang dijatuhkannya didapati tersilap dari segi prinsip, maka barulah mahkamah Rayuan patut mengubahnya. Jika hukuman adalah keterlaluan atau tidak memadai dan Mahkamah Rayuan berpuas hati bahawa telah wujud kegagalan untuk mengaplikasikan prinsip yang betul maka barulah Mahkamah Rayuan akan campur tangan (lihat perenggan 20).

(2) Kesalahan rogol ialah suatu kesalahan yang serius kerana ia adalah 'the ultimate violation of self.' Perbuatan tersebut mencabul dan menyerang kehormatan ('dignity') seorang insan. Tiada apa mana-mana sistem undang-undang yang bertamadun boleh mengenepikan dan membiarkan akibat traumatik yang dialami oleh seseorang mangsa rogol yang malang (lihat perenggan 25).

(3) Dalam kedua-dua kes tersebut perayu didapati telah memperdayakan kedua-dua mangsa dengan tipu helah yang amat licik dan jijik. Dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah rogol seperti perayu dalam kes ini, prinsip pembalasan atau 'retribution' hendaklah digunapakai untuk mencerminkan kutukan atau kecaman masyarakat terhadap kesalahan tersebut (lihat perenggan 26).

(4) Hukuman berat terhadap kesalahan rogol di bawah s 376(1) Kanun ialah satu manifestasi penghormatan yang tinggi bagi melindungi kehormatan,maruah dan kesucian wanita. Oleh itu, sekiranya hukuman yang ringan dikenakan terhadap pesalah rogol, maka ia adalah

merupakan satu pengkhianatan terhadap penghormatan tersebut. Hukuman berat yang ditetapkan itu juga mencerminkan hasrat Parlimen untuk mencegah jenayah ini dari berlaku secara berleluasa dan melindungi wanita dari mereka yang bersifat kebinatangan yang tidak dapat mengawal nafsu syahwat buas mereka (lihat perenggan 29).

(5) Perayu tidak pernah serik melakukan kesalahan yang sama sungguhpun sebelum ini hukuman penjaranya lebih tinggi daripada yang dihadapinya sekarang. Ini membuktikan perayu tidak pernah insaf dan sesal dengan perbuatannya. Alasan kononnya beliau pernah menjalani pembedahan usus sebelum dipenjarakan adalah tanpa disokong oleh apa-apa laporan doktor pun untuk mengesahkannya dan kalau benar sekalipun perayu sepatutnya ingat semua ini sebelum melakukan kesalahan dan sekarang ini sudah terlambat. Terserahlah pada pihak penjara kelak untuk memastikan tahap kemampuan perayu menghadapi hukuman lapan kali sebatan rotan (lihat perenggan 30).

(6) Di dalam alasan penghakimannya, hakim bicara telah memberi pertimbangan sewajarnya ke atas faktor-faktor mitigasi yang boleh meringankan hukuman ke atas perayu tetapi hakim bicara sendiri telah mengatakan kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah sesuatu yang serius yang menitik berat kepentingan awam melebihi kepentingan perayu dalam kedua-dua kes ini. Adalah dirumuskan bahawa hukuman itu langsung tidak dicemari oleh kekhilafan dari segi fakta dan undang-undang yang perlu ianya diperbetulkan (lihat perenggan 31).

(7) Oleh kerana perayu dikenakan dua pertuduhan merogol di bawah s 376(1) Kanun yang berasingan berkait dua kes tangkapan yang berbeza faktanya maka ianya jelas merupakan dua kesalahan yang berlainan. Oleh itu hukuman penjara ke atas perayu di bawah kedua-dua pertuduhan tersebut wajarlah berjalan secara berasingan (lihat perenggan 32).

[English summary

The appellant was charged for two rape offences on two different victims under s 376(1) of the Penal Code ('the Code'). The appellant had promised to get a job for the first victim at a hotel in Johor Bahru. However, the victim was taken to a hotel and there, she was forced to have sex with him and the appellant then ran and left the victim alone. A few days later, the appellant found a second victim who was 12 at the time and had promised to send her home. However, the appellant threatened to leave the victim at a secluded place if she refused to fulfill his needs and at the same time, the appellant took advantage by groping the victim's breast and from there, the appellant took the victim to a hotel and forced her to have sex with him. On the way home, the victim was told by the appellant to buy some drinks midway and the appellant then sped away in his car, leaving the victim alone. The appellant pleaded guilty to both the offences

and the trial judge convicted the appellant for the said offences. The appellant was sentenced to ten years imprisonment from the date of arrest and eight strokes of the rotan. The appellant appealed to this court against the sentences for the two cases only. The appellant in mitigation, brought forth the grounds that he was remorseful over what happened; appealed for lessening of the rotan sentence as he had undergone bowel operation before his imprisonment; and for the imprisonment sentence to be run concurrently from the date of arrest. The deputy public prosecutor, on the other hand, in his argument to maintain the sentence ordered, stressed, inter alia, that both the arrest cases involved two different victims and at two different hotels. Based on the facts, it was clear that the two offences warranted the sentences to run separately. Furthermore, the appellant had a past record involving the offence of rape under s 376(1) of the Code and was sentenced to 12 years imprisonment and six strokes of rotan.

Held, dismissing the appeal and affirming the sentence:

(1) In relation to the sentence, the appellate court would not change a sentence that is the basis of an appeal merely because members of the court had sentenced differently. The trial judge had seen and heard the appellant's history and characteristic. Only when the sentenced was erroneous in principle could the appellate court change it. If the sentence was excessive and not proportionate and the appellate court was satisfied that there was failure to apply the correct principle could the appellate court intervene (see para 20).

(2) A rape offence is a serious offence as it is an ultimate violation of self. The act violates and attacks the dignity of a person. There is no civilised legal system which could set aside and allow the traumatic consequences by the traumatic rape victim (see para 25).

(3) In both cases, the appellant had tricked both the victims in a sly and loathsome way. When sentencing a rape offender such as the appellant, the principle of retribution must be applied to reflect the public's condemnation and censure of the said offence (see para 26).

(4) A strict sentence for the offence of rape under s 376(1) of the Code is a manifestation of a high form of respect to protect the modesty, dignity and purity of women. Hence, if a light sentence is meted out to a rape offender, it would a betrayal of the said dignity. The heavy sentence fixed also reflects the intention of the Parliament to prevent this crime from spreading and to protect women against the unbridled bestiality persons who cannot control their libidinous proclivities (see para 29).

(5) The appellant repeated the same offence even though he was sentenced to a sentence heavier than what he is currently serving. This proved that the appellant was not repentant or remorseful over his actions. His reason that he has underwent a bowel operation before being imprisoned was

A not supported by any medical report to confirm it and if it was true, the appellant should have had all this in mind before committing these offence and now it is too late. It is up to the prison authorities to ensure the appellant's threshold in serving the sentence of eight strokes of rotan (see para 30).

B (6) In His Lordship's judgment, the trial judge had given due emphasis on mitigation factors which could warrant a lighter sentence against the appellant but His Lordship himself had mentioned that the offence committed by the appellant one that was serious where public policy outweighs the appellant's interest in both cases. It was concluded that the sentence was not tainted with error of fact and law which needed rectification (see para 31).

C (7) Since the appellant was convicted for two offences of rape under s 376(1) of the Code for two separate arresst in which the facts were different, it was clear that it was two different offences. Hence, the imprisonment sentence under both offences must run consecutively. (see para 32).]

D **Nota-nota**

E Untuk kes-kes mengenai rogol, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 4892–4908.

Untuk kes-kes mengenai s 376, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 2163–2201.

F **Kes-kes yang dirujuk**

Adam bin Atan v PP [2008] MLJU 402; [2009] 1 CLJ 33, MR (dirujuk)
Harris v The Queen (1953-54) 90 CLR 652 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Yap Huat Heng [1985] 2 MLJ 414 (dirujuk)
G *R v Ball* (1957) 35 Cr App R 164, MR (dirujuk)
R v Roberts [1982] 1 All ER 609, MR (dirujuk)
R v Sargeant (1974) 60 Cr App R 74, CA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

H Kanun Keseksaan s 376(1)

Sazali bin Darus bagi pihak perayu.
(Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

I **Samsudin Hassan H:**

PENDAHULUAN

[1] Perayu telah dituduh melakukan kesalahan jenayah rogol ke atas dua (2) mangsa berbeza di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di

bawah seksyen yang sama berkait dua kes tangkap no 62JS-28–11 Tahun 2013 dan 62JS-29–11 Tahun 2013.

[2] Kedua-dua pertuduhan tersebut telah dibacakan serta diterangkan dan perayu faham akannya. Lalu perayu mengaku salah dan faham sifat dan akibat pengakuannya. Perayu juga diterangkan hukuman yang ditetapkan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan dan beliau faham akan kesan dan akibatnya. Perayu masih mahu mengaku salah. Pengakuan salahnya diterima oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor dan lalu perayu disabitkan dengan kesalahan-kesalahan tersebut. Perayu dikenakan hukuman 10 tahun penjara dari tarikh tangkap iaitu 12 November 2013 dan juga dikenakan lapan kali sebatan. Kedua-dua hukuman penjara tersebut diperintahkan berjalan berasingan.

[3] Perayu lalu merayu ke mahkamah ini terhadap hukuman sahaja berkait kedua-dua kes tangkap no: 62JS-28–11 Tahun 2013 dan 62JS-29–11 Tahun 2013 melalui notis rayuan bertarikh 02 Disember 2013 dan petisyen rayuan bertarikh 24 Disember 2013.

PERTUDUHAN

[4] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

(a) Pertuduhan Berkait Kes Tangkap No : 62JS-28–11 tahun 2013

Bahawa kamu pada 12 September 2013, jam di antara 7.05 malam hingga 8.30 malam bertempat di bilik No.208, Hotel Maju Jaya, 12A & 14A, Jalan Abiad, Taman Tebrau Jaya di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Takzim telah merogol seorang perempuan bernama : Nur Umira Binti Mohd Noor, No. KP : 931210-01-5792, Umur : 19 tahun 9 bulan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

(b) Pertuduhan berkait kes tangkap no : 62JS-29–11 tahun 2013

Bahawa kamu pada 26 Oktober 2013, jam di antara 11.30 malam hingga 12.30 malam bertempat di bilik No.5, Mulia Hotel Sdn Bhd, 20AB & 22AB, Jalan Abiad Satu, Taman Pelangi di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Takzim telah merogol seorang perempuan melayu bernama : Syhrifah Nabila Blnti Mad Ali Noor, No. KP : 010411-01-0692, Umur: 12 tahun 6 bulan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

FAKTA KES

[5] Fakta kes berkait kes tangkap No 62JS-29–11 Tahun 2013 dikemukakan secara bertulis seperti berikut:

A **[6]** Pada 11 September 2013 ketika mangsa sedang bekerja di kedai kasut telah didatangi seorang pelanggan iaitu OKT. Seterusnya mereka telah berbual dan bertukar nombor telefon selepas OKT memberitahu mangsa untuk menawarkan bekerja di Hotel The Zone. Kemudian keesokannya pada 12 September 2013 mangsa telah dihubungi oleh OKT untuk mengajak mangsa
B mengikutnya kerana OKT mahu menunjukkan bagaimana untuk mengukir buah kerana OKT bekerja sebagai pengukir buah di Hotel The Zone. Mangsa telah bersetuju untuk berjumpa dengan OKT. OKT telah mengambil mangsa di sebuah kedai seperti yang dijanjikan. Apabila sampai di situ, mangsa tidak
C nampak OKT membawa buah-buahan untuk diukir dan OKT memberi alasan bahawa buah-buahan belum dibeli. Kemudian, mereka bersama-sama menaiki teksi dan menuju ke sebuah kedai menjual buah di sekitar Plaza Pelangi. Selepas membeli buah, OKT telah mengajak mangsa mengikutnya ke sebuah hotel. Mangsa tidak mengesyaki apa-apa dan bersetuju mengikut OKT
D ke hotel itu.

[7] Pada jam lebih kurang 7 malam, setibanya di Hotel Maju Jaya, Taman Tebrau Jaya, OKT telah memberitahu kepada juruwang hotel nombor bilik 208. Apabila tiba di bilik tersebut, OKT telah menyuruh mangsa masuk
E terlebih dahulu. Dan apabila mangsa masuk, OKT terus mengunci bilik tersebut. Di bilik tersebut mangsa telah disuruh membuka pakaian. Oleh kerana mangsa takut diapa-apakan, mangsa telah menuruti arahan OKT. Apabila mangsa membuka pakaian, OKT telah menjilat kemaluan mangsa dan memasukkan jari ke dalam kemaluan mangsa. OKT telah memasukkan
F kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa. Mangsa menjerit kesakitan kerana mangsa tidak merelakan perbuatan OKT. OKT telah mengeluarkan kemaluannya dan mangsa nampak ada darah di kemaluan mangsa dan mangsa terus memakai seluar dalam dan nampak darah di seluar dalam mangsa. Mangsa terus ke balai polis dan membuat laporan polis pada hari yang sama
G jam 2.02 pagi 13 September 2013.

[8] Hasil pemeriksaan oleh doktor perubatan di Hospital Sultanah Aminah mengesahkan terdapat koyakan baru di jam 2 dan 8 pada hymen mangsa,
H terdapat abrasion kesan melecet pada posterior fourchette mangsa, kesan darah di kemaluan mangsa. Menurut doktor, mangsa di dalam keadaan trauma dan menangis semasa pemeriksaan olehnya dan mangsa dihantar ke psikiatri serta diberi ubat pencegah kehamilan.

I **[9]** Pada 12 November 2013 bertindak atas maklumat, pihak polis telah berjaya menahan OKT di stesen bas Larkin, Johor Bahru, Johor. Pihak polis telah merampas telefon bimbit OKT. Kawad cam telah dikendalikan ke atas OKT dan mangsa berjaya mengecamkan OKT sebagai orang yang telah merogolnya.

[10] Bagi fakta kes berkait kes tangkap No 62JS-29–11 Tahun 2013 pula dikemukakan juga secara bertulis seperti berikut:

[11] Pada 26 Oktober 2013 ketika mangsa (No KP: 010411-01-0692) berumur 12 tahun sedang bersiar-siar bersama rakan-rakannya di kawasan Johor Bahru, mangsa telah berkenalan dengan OKT. Setelah berbual, OKT berjanji untuk menghantar mangsa dan rakan-rakannya pulang ke rumah. Kemudian OKT telah mengajak mereka menaiki kereta OKT iaitu Perodua Viva nombor pendaftaran tidak pasti. Kemudian ketika dalam perjalanan OKT telah menurunkan rakan-rakan mangsa di tepi jalan dan berjanji akan menghantar mangsa terus pulang ke rumah. Selepas rakan-rakan mangsa turun, OKT telah memandu keretanya ke kawasan gelap dan meraba mangsa. OKT memberitahu mangsa sekiranya mahu pulang ke rumah, mangsa mesti mengikut OKT terlebih dahulu kalau tidak mahu ikut, mangsa akan ditinggalkan di tempat gelap. Kemudian, OKT telah membawa mangsa ke sebuah hotel bernama Hotel Mulia.

[12] Apabila tiba di sana, OKT telah mendaftar bilik atas nama OKT dan membawa mangsa masuk ke bilik hotel itu. Di bilik tersebut, mangsa telah disuruh membuka pakaian. Oleh kerana mangsa takut diapa-apakan, mangsa telah menuruti arahan OKT. Apabila mangsa membuka pakaian, OKT telah menjilat kemaluan mangsa dan memasukkan jari ke dalam kemaluan mangsa. Mangsa menjerit kesakitan dan OKT telah menutup muka mangsa dengan bantal. Kemudian OKT telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa. OKT mengeluarkan kemaluannya dan memancutkan air maninya di luar badan mangsa. Semasa OKT merogol mangsa, OKT telah merakam dengan menggunakan telefon bimbit. Kemudian, OKT telah mengajak mangsa pulang dan memberhentikan mangsa di sebuah kedai 7-eleven dan menyuruh mangsa membeli air. Ketika mangsa membeli air, OKT telah melarikan diri. Mangsa terus ke balai polis dan membuat laporan polis pada hari yang sama jam 2.02 pagi pada 27 Oktober 2013.

[13] Hasil pemeriksaan oleh doktor perubatan di Hospital Sultanah Aminah mengesahkan terdapat koyakan baru di jam 1,5,10 pada hymen mangsa, terdapat kesan melecet pada posterior fourchette mangsa dan kesan abrasion atau melecet pada labia mangsa. Menurut doktor, mangsa di dalam keadaan trauma dan menangis semasa pemeriksaan olehnya dan mangsa dihantar ke psikiatri serta diberi ubat pencegah kehamilan.

[14] Pada 12 November 2013 bertindak atas maklumat, pihak polis telah berjaya menahan OKT di stesen bas Larkin, Johor Bahru, Johor. Pihak polis telah merampas telefon bimbit OKT dan menjumpai rakaman video OKT merogol mangsa. Kawad cam telah dikendalikan ke atas OKT dan mangsa berjaya mengecamkan OKT sebagai orang yang telah merogolnya.

[15] Kedua-dua fakta kes ini dibacakan kepada perayu dan beliau mengakuinya adalah betul.

[16] Barang-barang kes yang dikemukakan berkait kes tangkap No 62JS-28–11/2013 adalah seperti berikut:

(a) Laporan polis — eksh P1

(b) Laporan perubatan — eksh P2

(c) Laporan kawad cam — eksh P3

(d) Gambar mangsa — eksh P4

(e) Gambar tempat kejadian — eksh P5 (A–F)

(f) Rekod lampau perayu — eksh P6

[17] Bagi barang-barang kes berikut berkait kes tangkap No 62JS-29–11/2013 pula adalah seperti di bawah :

(a) Laporan polis — eksh P1

(b) Salinan kad pengenalan mangsa — eksh P2

(c) Laporan pemeriksaan oleh pegawai perubatan — eksh P3

(d) Laporan kawad cam — eksh P4

(e) Akuan terima barang kes dari forensik — eksh P5

(f) Gambar tempat kejadian dan bilik daftar hotel — eksh P6

(g) Rekod lampau perayu — eksh P7

RAYUAN TERHADAP HUKUMAN

[18] Perayu dalam penghujahan mendapatkan peringanan hukuman mengemukakan alasan-alasan berikut:

(a) telah insaf dan menyesal apa yang berlaku

(b) minta hukuman rotan dikurangkan sebab beliau baru menjalankan pembedahan usus sebelum dimasukkan penjara.

(c) mohon hukuman penjara berkait kedua-dua kes tangkap no : 62JS-28–11 tahun 2013 dan 62JS-29–11 tahun 2013 berjalan serentak dari tarikh tangkap iaitu 12 November 2013.

[19] Timbalan Pendakwa Raya pula dalam penghujahannya menekankan beberapa faktor untuk mempertahankan hukuman yang telah diperintahkan oleh Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor bahru, Johor seperti berikut:

(a) Perayu dikenakan dua pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan berkait kes tangkap No 62JS-28–11 Tahun 2013 dan 62JS-29–11 Tahun 2013.

(b) Kes tangkap No 62JS-28–11 Tahun 2013 kejadian berlaku pada 11 September 2013 dan kes tangkap No 62JS-29–11 Tahun 2013 pula ianya berlaku pada 26 Oktober 2013.

(c) Kedua-dua kes tangkap ini melibatkan mangsa yang berbeza.

(d) Kejadian rogol berkait kedua-dua kes tangkap ini berlaku di dua buah hotel di Johor Bahru, Johor yang berbeza.

(e) Berdasarkan semua fakta di atas itu jelas menunjukkan ianya dua kesalahan yang berbeza (two distinct offences) yang mewajarkan hukuman penjara berjalan secara berasingan.

(f) Perayu mempunyai rekod kesalahan lampau juga melibatkan kes rogol di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan dan dikenakan hukuman penjara 12 tahun serta 6 kali sebatan.

(g) Perayu tidak insaf dan tidak menyesal perbuatan terkutuk dibuatnya.

Penilaian terhadap hukuman yang diperintahkan oleh tuan hakim mahkamah sesyen

[20] Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa berhubung dengan rayuan terhadap hukuman, mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah hukuman yang menjadi asas rayuan, semata-mata kerana ahli-ahli mahkamah itu telah menjatuhkan hukuman yang berbeza. Hakim perbicaraan telah melihat tertuduh dan mendengar sejarah dan perwatakannya. Hanya apabila hukuman yang dijatuhkannya didapati tersilap dari segi prinsip, maka barulah Mahkamah Rayuan patut mengubahnya. Jika hukuman adalah keterlaluan atau tidak memadai dan Mahkamah Rayuan berpuas hati bahawa telah wujud kegagalan untuk mengaplikasikan prinsip yang betul maka barulah Mahkamah Rayuan akan campur tangan (lihat kes-kes *R v Ball* (1957) 35 Cr App R 164 dan *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256).

[21] Dalam satu kes Mahkamah Rayuan iaitu *Adam bin Atan v Public Prosecutor* [2008] MLJU 402; [2009] 1 CLJ 33 Gopal Sri Ram Hakim Mahkamah Rayuan berkata di ms 36 :

> [6] In an appeal against sentence, the initial function of this court is one of review only. The fact that each of us sitting separately or together would have imposed a lesser sentence is irrelevant. The appellant must satisfy this court that the sentencing court has either erred in principle or imposed a sentence that manifestly excessive. We find it necessary to cite any authority in support of this well established principle.

[22] Intipati prinsip ini telah dinyatakan dengan tepat dan menyeluruh dalam kes *Harris v The Queen* (1953-54) 90 CLR 652 di ms 655–665:

> ... There must be some reasons for regarding the discretion confided to the court of first instance as improperly exercised. This may appear from the circumstances which that court has taken into account. They may include some considerations which ought not to have affected the discretion, or been misled as to the facts, or an error of law may have been made. Effect may have been given to views or opinions which are extreme or misguided but it not necessary that some definite or specific error should be assigned. The nature of the sentence itself, when considered in relation to the offence and the circumstances of the case, may be such as to afford convincing evidence that in some way the exercise of the discretion has been unsound. In short, the principles which guide courts of appeal in dealing with matters resting in the discretion of the court of first instances refrain the intervention of this court to cases where the sentence appears unreasonable, or has not been fixed in the due and proper exercise of the courts authority.

[23] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah rogol, kepentingan awam hendaklah diberi keutamaan. Hukuman tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menghukum perayu, tetapi juga untuk mencegah orang lain yang berhasrat untuk melakukan keslahan yang sama. Dalam kedaaan di mana kes rogol dilaporkan berlaku hampir setiap hari, hukuman yang dijatuhkan perlu mengambil kira keperluan untuk memberi amaran keras kepada orang ramai bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur dengan kesalahan ini.

[24] Penelitian terhadap hukuman yang dijatuhkan terhadap kesalahan rogol oleh kes-kes terdahulu jelas menunjukkan bahawa hukuman berat telah dijatuhkan oleh mahkamah demi menjaga kepentingan awam. Dalam kes *R v Roberts* (1982) 1 All ER 609, Lord Lane CJ berkata :

> Rape is always a serious crime. Other than in wholly exceptional circumstances, it calls for an immediate custodial sentence ... A custodial sentence is necessary for a variety of reasons. First of all to mark the gravity of the offence. Second, to emphasize public disapproval. Third, to serve as a warning to others. Fourth, to punish the offender and last, but no means least, to protect women. The length of the sentence will depend on all circumstances. That is a trite observation, but these in cases of rape very widely from case to case.

[25] Adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa kesalahan rogol ialah suatu kesalahan yang serius kerana ia adalah 'the ultimate violation of self'. Perbuatan tersebut mencabul dan menyerang kehormatan ('dignity') seorang insan. Tiada apa mana-mana sistem undang-undang yang bertamadun boleh mengenepikan dan membiarkan akibat *traumatik* yang dialami oleh seseorang mangsa rogol yang malang dan kesannya kepada keamanan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat.

[26] Dalam kedua-dua kes tangkap No 62JS-28–11 Tahun 2013 dan 62 JS-29-11 Tahun 2013 perayu didapati telah memperdayakan kedua-dua mangsa dengan tipu helah yang amat licik dan jijik. Bagi kejadian pertama, perayu berjanji mendapatkan pekerjaan untuk mangsa di sebuah Hotel The Zone di Johor Bahru, Johor. Namun, apa yang terjadi mangsa dibawa ke sebuah Hotel Maju Jaya, Taman Tebrau Jaya, Johor Bahru, Johor dan di situ dipaksa melakukan hubungan seks dan kemudiannya perayu lari dan meninggalkan mangsa keseorangan dalam keadaan penuh trauma.

[27] Selang beberapa hari perayu mencari mangsanya yang lain pula. Kali ini perayu berjaya menabur kata-kata manis pada mangsa yang ketika itu baru berusia 12 tahun untuk menghantarnya pulang ke rumah. Namun apa yang terjadi perayu telah mengugut mangsa akan meninggalkannya di tempat yang sunyi sekiranya enggan mengikut kehendaknya dan pada masa yang sama perayu mengambil kesempatan meraba dada si mangsa dan dari situ membawa mangsa ke sebuah Hotel Mulia di Johor Bahru, Johor, lalu memaksa mangsa melakukan hubungan seks dengannya. Menyedihkan lagi mangsa yang baru berusia 12 tahun dalam perjalanan pulang ke rumahnya disuruh oleh perayu membeli air minuman di pertengahan jalan tetapi malangnya perayu tidak berhati perut memecut lari dengan keretanya meninggalkan mangsa keseorangan langsung mengalami trauma yang amat sangat hingga ke hari ini.

[28] Dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah rogol seperti perayu dalam kes ini, pada pandangan mahkamah hendaklah menggunapakai prinsip pembalasan atau 'retribution' untuk mencerminkan kutukan atau kecaman masyarakat terhadap kesalahan tersebut. Seperti yang diputuskan dalam kes *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App R 74 berikut:

> There is, however, another aspect of retribution which is overlooked, it is that society, through the courts, must show its abhorrence of particular type of crime, and the only way in which they, the courts, can do this is by the sentence they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand, courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the courts is to lead public opinion.

[29] Parlimen telah menetapkan hukuman yang berat terhadap kesalahan rogol di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan iaitu dengan penjara selama tempoh maksima 20 tahun. Pada pandangan mahkamah, hukuman berat ini ialah satu manifestasi penghormatan yang tinggi bagi melindungi kehormatan, maruah dan kesucian wanita. Oleh itu, sekiranya hukuman yang ringan dikenakan terhadap pesalah rogol, maka ia adalah merupakan satu pengkhianatan terhadap penghormatan tersebut. Hukuman berat yang ditetapkan itu juga mencerminkan hasrat Parlimen untuk mencegah jenayah ini dari berlaku secara berleluasa dan melindungi wanita dari mereka yang bersifat

kebinatangan yang tidak dapat mengawal nafsu syahwat buas mereka ('to protect women against the unbridled bestiality persons who can not control their libidinous proctivities').

[30] Perayu bukan setakat melakukan rogol ke atas dua mangsa berkait kes tangkap No 62JS-28–11 Tahun 2013 dan 62JS-29–11 Tahun 2013 tetapi merujuk kepada rekod kesalahan lampau beliau pernah disabitkan kesalahan yang sama di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan ke atas mangsa lain juga yang mana perayu telah diperintah menjalani hukuman penjara 12 tahun dan dikenakan enam kali sebatan rotan. Perayu tidak pernah serik melakukan kesalahan yang sama sungguhpun sebelum ini hukuman penjaranya lebih tinggi daripada yang dihadapinya sekarang. Ini membuktikan perayu tidak pernah insaf dan sesal dengan perbuatannya. Alasan kononnya beliau pernah menjalani pembedahan usus sebelum dipenjarakan adalah tanpa disokong oleh apa-apa laporan doktor pun untuk mengesahkannya dan kalau benar sekalipun perayu sepatutnya ingat semua ini sebelum melakukan kesalahan dan sekarang ini sudah terlambat. Terserahlah pada pihak Penajara kelak untuk memastikan tahap kemampuan perayu menghadapi hukuman lapan kali sebatan rotan berkait kes tangkap No 62JS-28–11 Tahun 2013 dan 62JS-29–11 Tahun 2013.

[31] Mahkamah juga amati Tuan Hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya telah memberi pertimbangan sewajarnya ke atas faktor-faktor mitigasi yang boleh meringankan hukuman ke atas perayu tetapi Tuan Hakim sendiri telah mengatakan kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah sesuatu yang serius yang menitik berat kepentingan awam melebihi kepentingan perayu dalam kedua-dua kes ini.

[32] Seperkara lagi, oleh kerana perayu dikenakan dua pertuduhan merogol di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan yang berasingan berkait dua kes tangkap No 62JS-28–11 Tahun 2013 dan 62JS-29–11 Tahun 2013 yang berbeza faktanya maka ianya jelas merupakan dua kesalahan yang berlainan. Di dalam keadaan sedemikian prinsip yang diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414 adalah terpakai dan petikannya adalah seperti berikut:

> When two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should not be made to run concurrently. It should only be made concurrent when an offender had been convicted of a principal and a subsidiary offence. In all other cases sentences should made to run consecutively.

[33] Berdasarkan pernyataan di atas itu, maka hukuman penjara ke atas perayu di bawah kedua-dua pertuduhan berkait dua kes tangkap no : 62JS-28–11 tahun 2013 dan 62JS-29–11 tahun 2013 wajarlah berjalan secara berasingan.

KEPUTUSAN

[34] Berpandukan kepada semua prinsip-prinsip hukuman di atas serta diambil keseriusan kesalahan dilakukan di dalam kedua-dua kes tangkapan tersebut maka mahkamah ini merumuskan hukuman oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor itu langsung tidak dicemari oleh kekhilafan dari segi fakta dan undang-undang yang perlu ianya diperbetulkan. Oleh itu, mahkamah ini memutuskan rayuan perayu terhadap keseluruhan hukuman terhadap kedua-dua pertuduhan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen ditolak dan hukuman yang sedia ada dikekalkan.

Rayuan ditolak; sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed